


RANGKUMAN PRESTASI EKONOMI 2022


Ekonomi Malaysia mencatatkan nilai ditambah berjumlah **RM1.51 trilion** dengan kadar pertumbuhan **8.7 peratus** pada harga malar 2015

Dari segi **Pengeluaran**, pertumbuhan ini dipacu oleh sektor **Perkhidmatan** dan **Pembuatan** yang menyumbang 82.4 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

KDNK pada Harga
Malar 2015



PENGELUARAN



Sektor **Perkhidmatan** melonjak kepada **10.9 peratus** disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor utama Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Makanan & minuman dan penginapan.


Sektor **Pembuatan** menyederhana pada **8.1 peratus**, dipacu oleh subsektor Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna dan Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan.

Nota:

i. 2022 | 2021

ii. Perubahan % adalah tahun ke tahun

PERBELANJAAN



Nota:
i. 2022 | 2021
ii. Perubahan % adalah tahun ke tahun

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar kepada KDNK kaedah **Perbelanjaan**, dengan sumbangan 60.2 peratus, melonjak **11.2 peratus** pada tahun 2022 berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. Pengembangan ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Restoran & hotel dan Makanan & minuman bukan alkohol.

Sementara itu, **Pembentukan Modal Tetap Kasar** (sumbangan: 19.7%) kembali pulih kepada **6.8 peratus** berbanding kejatuhan 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disumbangkan oleh Jentera & peralatan yang bertumbuh 10.2 peratus (2021: 13.4%). Selain itu, pertumbuhan Struktur dan Aset lain yang masing-masing berkembang 4.7 peratus dan 2.3 peratus turut menyokong prestasi sektor ini.

Eksport mencatatkan pertumbuhan kukuh 14.5 peratus berbanding 18.5 peratus pada tahun sebelumnya. Momentum pertumbuhan ini disumbangkan oleh Eksport barangan yang meningkat 11.1 peratus. Sementara itu, Eksport Perkhidmatan melonjak 56.8 peratus daripada penyusutan 8.2 peratus pada tahun 2021. Selain itu, **Import** mengukuh kepada 15.9 peratus. Kedua-dua Import barangan dan Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan dua digit 14.6 peratus dan 23.9 peratus.


KDNK – Peratusan Sumbangan pada Harga Malar 2015




Nota: Tidak termasuk Perubahan Inventori, Barangan Berharga & Perbezaan Statistik



PENDAPATAN



PAMPASAN PEKERJA DAN LEBIHAN KENDALIAN KASAR MENGIKUT SEKTOR



Dari segi **Pendapatan**, ekonomi Malaysia pada harga semasa mengukuh dengan pertumbuhan 15.7 peratus berbanding 9.2 peratus pada tahun 2021. Prestasi memberangsangkan ini dicatatkan dalam semua sektor, dengan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan menyumbang 76.8 peratus daripada KDNK.

Peningkatan dalam KDNK didorong oleh prestasi Lebihan Kendalian Kasar yang lebih tinggi diikuti oleh Pampasan Pekerja. Lebihan Kendalian Kasar kekal sebagai komponen pendapatan terbesar dengan sumbangan 67.0 peratus, disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Oleh itu, LKK mencatatkan pertumbuhan 23.9 peratus dengan nilai RM1,200.6 bilion pada tahun 2022.

Sumbangan PP kepada KDNK Malaysia adalah 32.4 peratus, berbanding 35.1 peratus pada tahun sebelumnya. PP bertumbuh 6.5 peratus dan berjumlah RM579.7 bilion, didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

Namun begitu, Cukai bersih hanya menyumbang 0.6 peratus kepada ekonomi Malaysia yang terus merosot 69.2 peratus daripada penurunan 7.4 peratus pada tahun 2021. Penyusutan itu disumbangkan oleh peningkatan subsidi yang lebih tinggi berbanding cukai ke atas pengeluaran dan import pada tahun 2022.




Pertumbuhan KDNK mengikut negeri pada tahun 2022 menunjukkan **semua negeri bertumbuh lebih baik** berbanding pertumbuhan pada tahun sebelumnya. **Empat negeri** mencatatkan pertumbuhan melepasi paras nasional (8.7%) iaitu Pulau Pinang (13.1%), Selangor (11.9%), Pahang (10.8%), dan W.P. Kuala Lumpur (9.2%). Pertumbuhan kukuh dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan mendorong prestasi ekonomi Pulau Pinang dan Selangor manakala Pahang dan W.P. Kuala Lumpur dipacu oleh sektor Perkhidmatan.

Sementara itu, **enam negeri** iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah kekal sebagai penyumbang utama sebanyak **72.9 peratus** (2021: 72.2%) daripada nilai KDNK Malaysia.

Ekonomi **Johor** merekodkan pertumbuhan kukuh 8.2 peratus, diikuti oleh **Melaka** (8.6%), **Kedah** (7.2%), **Negeri Sembilan** (6.4%) dan **Perak** (4.3%). **Perlis** dan **Kelantan** turut mencatatkan peningkatan KDNK masing-masing sebanyak 5.7 peratus dan 4.3 peratus.

Bagi Kelantan, walaupun sektor Pertanian menyusut 4.9 peratus, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan yang ketara dalam sektor Pembinaan (19.7%) dan Perkhidmatan (6.8%).

Dalam tempoh yang sama, ekonomi **Sabah** berkembang 3.7 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan. Sementara itu, ekonomi **Terengganu** meningkat sebanyak 5.9 peratus, didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Ekonomi **Sarawak** juga mencatatkan peningkatan sebanyak 6.5 peratus, dengan sektor Perkhidmatan mengukuh 9.6 peratus dan pemulihan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian. Prestasi ekonomi **W.P. Labuan** berkembang sebanyak 4.0 peratus (berbanding 0.5% pada tahun 2021), dipacu oleh sektor Perkhidmatan (4.6%), terutamanya melalui aktiviti Kewangan dan insurans, yang menjadi pendorong utama ekonomi wilayah ini.



PETUNJUK:



Sumbangan



Melempi pertumbuhan nasional



2022



2021

*Termasuk W.P. Putrajaya




@StatsMalaysia


BANI 2024
PERTANIAN
 KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



KDNK Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) merekodkan RM580.4 bilion pada tahun 2022, bertumbuh 11.6 peratus

KDNK PMKS Malaysia bagi tahun 2022 merekodkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan 11.6 peratus berbanding KDNK Malaysia yang bertumbuh 8.7 peratus. Sumbangan KDNK PMKS meningkat kepada 38.4 peratus (2021: 37.4%) dengan nilai ditambah sebanyak RM580.4 bilion. Sektor **Perkhidmatan** dan **Pembuatan** mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang utama yang mana kedua-dua sektor mewakili 84.6 peratus kepada KDNK PMKS.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PMKS



EKSPORT PMKS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN



KDNK Malaysia, 2022
pada harga malar 2015

RM1,510.9b | 8.7%

PMKS

RM580.4b
11.6% | 1.3%

Bukan PMKS

RM930.5b
6.9% | 4.5%


Sumbangan **eksport PMKS** kepada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2022 adalah 10.5 peratus, terdiri daripada sektor Pembuatan (8.3%), Perkhidmatan (2.0%) dan Pertanian (0.2%). Eksport PMKS pada tahun 2022 meningkat kepada 16.3 peratus dengan nilai sebanyak RM144.5 bilion, diterajui oleh sektor Perkhidmatan yang memulih kepada 5.7 peratus (2021: -22.6%) dan Pembuatan dengan 19.5 peratus (2021: 16.7%).

Prestasi guna tenaga merekodkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih besar dengan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus berbanding 0.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2021. Dari segi bilangan, guna tenaga PMKS bertambah 279 ribu kepada 7.59 juta orang.

GUNA TENAGA PMKS

Sumbangan PMKS kepada Guna Tenaga 48.2%


Pertumbuhan: 3.8% | 0.9%




Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) merekodkan RM297.8 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan 6.8 peratus berbanding penyusutan marginal 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor **Perkhidmatan**, **Pembuatan** dan **Perlombongan & pengkuarian**. PMTK bagi sektor **Perkhidmatan** meningkat 6.9 peratus. Sementara itu, PMTK bagi sektor **Pembuatan** turut meningkat pada 9.9 peratus berbanding 7.3 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, sektor **Pembinaan** turut meningkat 3.3 peratus, selepas jatuh 1.0 peratus pada tahun sebelumnya. PMTK bagi Sektor **Perlombongan & pengkuarian** pula meningkat 1.5 peratus.

Pada masa yang sama, sektor **Pertanian** meningkat marginal pada 0.2 peratus berbanding negatif 3.8 peratus pada tahun 2021, disebabkan oleh prestasi yang lebih baik bagi subsektor Pertanian lain & Ternakan & perikanan.

Melihat kepada PMTK mengikut sektor, **Swasta** kekal sebagai penyumbang terbesar kepada PMTK dengan sumbangan sebanyak 77.8 peratus. Sektor ini, meningkat 7.2 peratus berbanding 2.7 peratus pada 2021. Selain itu, sektor **Awam** turut meningkat 5.3 peratus (sumbangan: 22.2%) berbanding penurunan 11.1 peratus pada tahun 2021.



Peratus sumbangan



■ Awam ■ Swasta



"Statistics Bloom in Harmony"

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus
So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind

Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

"Statistik Segalanya Pasti"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada


Prechorus
Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Chorus
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran
Segalanya pasti
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian..



Perkhidmatan Atas Talian DOSM



Imbas untuk ke
Portal Perkhidmatan
Atas Talian DOSM



OpenDOSM



Visual Interaktif



Kawasanku

Hubungi kami



www.dosm.gov.my



info@dosm.gov.my
data@dosm.gov.my



+6 03 8885 7000



+6 03 8888 9248



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

